

# PENYERAHAN BANTUAN KERUSI RODA DAN KATIL SUMBANGAN BAKAT UDARA PANGKALAN UDARA GONG KEDAK

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2403-penyerahan-bantuan-kerusi-roda-dan-katil-sumbangan-bakat-udara-pangkalan-udara-gong-kedak](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2403-penyerahan-bantuan-kerusi-roda-dan-katil-sumbangan-bakat-udara-pangkalan-udara-gong-kedak)

GONG KEDAK, 7 Sept 17 - Penyerahan Kerusi Roda dan Katil Sumbangan daripada BAKAT Udara Pangkalan Udara Gong Kedak telah disampaikan oleh Komander Pangkalan, YBhg Brig Jen Suhaimi bin Hussain TUDM dan Pengerusi BAKAT Pangkalan, Puan Noor Suriati binti Mohd Suri.

Penyerahan bantuan BAKAT Udara ini disampaikan kepada Laskar Udara Satu Mohamad Nadzree bin Abhadee dan isteri, Puan Siti Aidawati bin Che Rahim di Kg Berangan Ketereh Kelantan kerana anak beliau Mohamad Adam Eerham berumur 6 tahun mengidap penyakit Hydrocephalus. Tujuan sumbangan ini dilakukan adalah untuk membantu meringankan beban beliau dan isteri dalam menguruskan anak seharian.

Turut hadir sama pada majlis penyerahan tersebut Ketua Cawang Materiel, Lt Kol Sharani bin Kamaruddin TUDM, Pegawai-pegawai dan anggota Materiel serta ahli- ahli BAKAT Udara Pangkalan Udara Gong Kedak.



